

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEJABAT BENDAHARI

UTHM.PB/100.6/4 Jld. 2 (15)

Tarikh: 9 Mac 2015

PEKELILING BENDAHARI BIL.1/2015

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN MENGENAI PEMBERIAN INSENTIF KAD PRABAYAR DAN PEMBAYARAN TAMBANG GANTIAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan bagi menjelaskan mengenai Garis Panduan mengenai Pemberian Insentif Kad Prabayar dan Pembayaran Tambang Gantian kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATARBELAKANG

- 1.1 Melalui Mesyuarat Kebajikan yang telah diadakan oleh pihak pengurusan Universiti bersama MPP UTHM pada 16 Jun 2014, telah bersetuju untuk menyediakan insentif yang bersesuaian kepada MPP UTHM bagi membantu meningkatkan keberkesanan fungsi dan peranan MPP disamping membantu menjaga kebijakan barisan kepimpinan MPP UTHM.
- 1.2 MPP UTHM adalah badan pelajar yang tertinggi yang dipilih untuk mewakili suara pelajar. Tempoh perlantikan MPP UTHM adalah selama setahun berperanan untuk menyampaikan agenda dan aspirasi Universiti kepada semua pelajar di

semua peringkat. Fungsi dan peranan MPP UTHM bukan sahaja terbatas di dalam kampus sahaja malahan melibatkan hubungan dengan agensi-agensi luar dari sektor kerajaan, swasta dan NGO luar.

- 1.3 Pada masa ini Universiti memberi kemudahan/ bantuan kepada ahli MPP yang dilantik seperti berikut :
 - i. Baju Korporat
 - ii. Baju *Blazer*
 - iii. Sepasang Baju Melayu
 - iv. Sepasang Baju Batik
 - v. Penginapan percuma sepanjang sesi pengajian.
 - vi. Kemudahan elaun harian RM10.00 sepanjang cuti semester sekiranya berada di Universiti untuk menguruskan aktiviti dan program.
- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2014 yang bersidang pada 23 September 2014 telah bersetuju dengan cadangan Pemberian Insentif Kad Prabayar dan Pembayaran Tambang Gantian kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 KAEADAH PELAKSANAAN

- 3.1 Pemberian insentif tambahan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah seperti berikut :
 - 3.1.1 Insentif kad prabayar sebanyak RM60.00 sebulan kepada Majlis Tertinggi MPP UTHM dan RM30.00 sebulan kepada Pengurus Jabatan MPP UTHM. Kemudahan kad pra bayar ini tidak boleh ditukar dalam bentuk tunai atau digantikan dengan pemberian tunai.

3.1.2 Memberi kemudahan tambang gantian kepada semua ahli MPP mengikut kadar tambang gantian yang digunakan oleh universiti seperti jadual di bawah:

JARAK PERJALANAN	SEN/KM
500 km pertama	40
501 km – 1,000 km	35
1,001 km – 1,700 km	30
1,701 km dan seterusnya	25

- 3.2 Perbelanjaan tambang gantian adalah bergantung kepada tuntutan oleh pelajar di mana pelajar perlu mematuhi peraturan kewangan Universiti dari segi kecukupan dokumen dan kelayakan tuntutan sebelum pembayaran boleh dibuat. Tuntutan ini juga tidak menerima pakai tempoh tuntutan 3 bulan yang mana pelajar perlu mengemukakan tuntutan tidak melebihi 10hb. pada bulan berikutnya. Ianya bertujuan bagi memudahkan kawalan di pihak Pejabat Hal Ehwal Pelajar selain mengelakkan sebarang ketirisan/ penyelewengan.
- 3.3 Sebagai langkah kawalan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar adalah bertanggungjawab menyediakan rekod yang teratur dan kemaskini bagi merekodkan pembelian kad pra bayar dan seterusnya membuat pengagihan kad pra bayar kepada ahli yang layak. Rekod berkenaan hendaklah disemak dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa bagi mengelakkan ketirisan dari berlaku.
- 3.4 Garis panduan pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan pembayaran tambang gantian kepada MPP UTHM adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.0 KUAT KUASA PEKELILING

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2015.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,



MISRO BIN JERUT

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- | | | |
|-----|---|--|
| s.k | - | Y.Bhg Naib Canselor |
| | - | Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) |
| | - | Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Ketua Unit Audit Dalam |

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN INSENTIF KAD PRABAYAR DAN
TAMBANG GANTIAN KEPADA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

 Garis panduan ini disediakan bertujuan mewujudkan panduan yang boleh menjadi rujukan kepada semua pihak mengenai pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan pembayaran tambang gantian kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Mewujudkan garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan dalam memberikan insentif melalui pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan pembayaran tambang gantian kepada MPP UTHM.
- 2.2 Mewujudkan ketelusan dalam pemberian insentif melalui pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan pembayaran tambang gantian kepada MPP UTHM.
- 2.3 Menetapkan satu garis panduan yang standard untuk digunakan oleh Universiti bagi pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan pembayaran tambang gantian kepada MPP UTHM.

3.0 DEFINISI

Definisi yang digunakan dalam dokumen ini adalah seperti berikut:

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP):

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) merupakan salah satu organisasi pelajar tertinggi di universiti untuk melahirkan mahasiswa yang mampu menjadi pemimpin dan individu yang cemerlang dalam segala aspek demi kebaikan bukan sahaja di kalangan mahasiswa universiti malah untuk negara pada masa depan.

Seperti yang dinyatakan dalam Subsekyen 57 (10) Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 48(10) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009) menyatakan tujuan dan fungsi MPP antaranya ialah:

(10) Tujuan dan fungsi MPP ialah untuk:

- a. Memupuk semangat hidup sebagai suatu perbadanan di kalangan pelajar Universiti;
- b. Tertakluk kepada arahan Naib Canselor, menyusun dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan pembekalan makanan dan minuman;
- c. Membuat rayuan kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubungan dengan atau berkenaan dengan keadaan hidup dan kerja pelajar Universiti;
- d. Diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut sesuatu Kaedah yang dibuat oleh Lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti kebajikan pelajar di Universiti; dan

- e. Menjalankan apa-apa aktiviti lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

4.0 SYARAT-SYARAT PEMBERIAN INSENTIF KAD PRABAYAR DAN TAMBANG GANTIAN KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) UTHM

4.1 Insentif Kad Prabayar Kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM

Pemberian insentif kad prabayar Kepada MPP UTHM perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

- 4.1.1 Barisan Kepimpinan Tertinggi MPP UTHM iaitu ***Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha, Bendahari dan ahli tertinggi*** yang dibenarkan dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor UTHM akan diberikan elauan telefon sebanyak RM60.00 sebulan.
- 4.1.2 Pemegang bagi jawatan-jawatan lain iaitu ***Pengerusi Jabatan*** yang dibenarkan dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor UTHM akan diberikan insentif kad prabayar sebanyak RM30.00 sebulan.
- 4.1.3 Pemberian insentif kad prabayar sebanyak RM60.00 pada Majlis Tertinggi MPP UTHM seramai 6 orang dan RM30.00 kepada Pengerusi Jabatan MPP UTHM seramai 10 orang.
- 4.1.4 Tempoh pembayaran insentif kad prabayar kepada MPP UTHM adalah bermula dari tarikh pembentukan MPP iaitu selama setahun atau sehingga pemilihan MPP diadakan semula.

4.1.5 Kad prabayar tidak boleh ditukar ganti dalam bentuk tunai atau diganti dengan pemberian wang tunai.

4.2 Pembiayaan Tambang Gantian Kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM

Pemberian tambang gantian kepada MPP UTHM perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

4.2.1 Barisan Kepimpinan Tertinggi MPP UTHM iaitu **Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha,**

Bendahari dan ahli tertinggi yang dibenarkan dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor UTHM dan **pemegang bagi jawatan-jawatan lain** yang dibenarkan dilantik secara bertulis oleh Naib Canselor UTHM adalah layak untuk menerima tambang gantian.

4.2.2 Tempoh pembayaran tambang gantian kepada MPP UTHM adalah bermula dari tarikh pembentukan MPP iaitu selama setahun atau sehingga pemilihan MPP diadakan semula.

4.2.3 Kiraan kadar dan jarak perjalanan bagi tuntutan tambang gantian adalah mengikut peraturan universiti yang berkuatkuasa.

4.2.4 Pergerakan yang boleh dipertimbangkan untuk dibayar tambang gantian ialah atas jemputan atau arahan rasmi dari agensi kerajaan, swasta dan NGO yang telah mendapat kebenaran bertulis dari Pejabat Hal Ehwal Pelajar atau dari Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

- 4.2.5 Ahli MPP UTHM perlu membuat tempahan kenderaan dengan Bahagian Perkhidmatan Pemandu, Pejabat Pentadbiran Harta Bina atau Pusat Perumahan dan Pengangkutan Pelajar dan sekiranya kenderaan disediakan, tambang gantian tidak layak dituntut walaupun ahli MPP UTHM membawa kenderaan sendiri. Sekiranya kenderaan tiada, dan ahli MPP UTHM membawa kenderaan sendiri, mereka layak menuntut tambang gantian mengikut kadar yang ditetapkan.
- 4.2.6 Setiap tuntutan tambang gantian perlu mengemukakan bersama resit asal seperti pembayaran tol, pembayaran minyak petrol, penggunaan kenderaan awam dan Borang Tempahan Kenderaan dari Bahagian Perkhidmatan Pemandu, Pejabat Pentadbiran Hartabina atau Pusat Perumahan dan Pengangkutan Pelajar yang telah diperakukan mengenai ketiadaan kenderaan.
- 4.2.7 Tuntutan hendaklah dikemukakan tidak melebihi 10hb pada bulan berikutnya. Mana-mana tuntutan yang lewat tidak akan diproses dan sebarang rayuan tidak dipertimbangkan. Semua dokumen tuntutan hendaklah asal dan diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa di Pejabat Hal Ehwal Pelajar.
- 4.2.8 Semua permohonan tuntutan hendaklah mematuhi peraturan kewangan universiti yang berkuatkuasa.

5.0 TERBATAL

Pemberian kemudahan insentif kad prabayar dan tambang gantian kepada MPP UTHM akan terbatal sekiranya melanggari syarat-syarat seperti berikut :

- 5.1.1 Ahli MPP UTHM seperti perkara 4.1.1, perkara 4.1.2 dan perkara 4.2.1 yang telah menarik diri sebagai ahli MPP UTHM tidak layak untuk menerima kemudahan insentif kad prabayar dan tambang gantian.
- 5.1.2 Ahli MPP UTHM seperti perkara 4.1.1, perkara 4.1.2 dan perkara 4.2.1 yang telah bergraduan semasa tempoh lantikan sebagai ahli MPP UTHM tidak layak untuk menerima kemudahan insentif kad prabayar dan tambang gantian.
- 5.1.3 Ahli MPP UTHM seperti perkara 4.1.1, perkara 4.1.2 dan perkara 4.2.1 yang telah tamat tempoh lantikan selama setahun sebagai ahli MPP UTHM tidak layak untuk menerima kemudahan insentif kad prabayar dan tambang gantian kecuali dilantik semula sebagai Ahli MPP UTHM Sementara oleh Naib Canselor atau pegawai yang diberi kuasa.
- 5.1.4 Ahli MPP UTHM seperti perkara 4.1.1, perkara 4.1.2 dan perkara 4.2.1 yang didapati bersalah dan dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak Universiti semasa tempoh lantikan sebagai ahli MPP UTHM tidak layak untuk menerima kemudahan insentif kad prabayar dan tambang gantian.

6.0 IMPLIKASI

- 6.1 Memberikan manfaat dan kebaikan kepada kebajikan MPP UTHM yang melaksanakan tugas dan fungsi mereka sebagai wakil rasmi kepada semua mahasiswa mahasiswi UTHM untuk berhubung

dengan pengurusan Universiti bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan pelajar dalam mendapatkan perkhidmatan yang terbaik daripada pihak Universiti.

- 6.2 Memberikan dorongan dan motivasi kepada ahli MPP UTHM untuk sentiasa berusaha bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar UTHM dan kepada Universiti malahan mampu berfungsi dengan berkesan dalam meningkatkan nama Universiti di peringkat kebangsaan malahan di peringkat antarabangsa.